



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



PELAKSANAAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENDIDIKAN FORMAL DALAM PEMBENTUKAN GENERASI BERAKHLAK

IMPLEMENTATION OF ISLAMIC VALUES IN FORMAL EDUCATION IN FORMING A MORAL GENERATION

Meor Mohd Faizul Abd Karim¹, Azhar Hj Wahid^{2*}

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia
Email: ejoe8277@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia
Email: azhar@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.06.2025

Revised date: 10.07.2025

Accepted date: 14.08.2025

Published date: 01.09.2025

To cite this document:

Abd Karim, M. M. F., & Haji Wahid, A. (2025). Pelaksanaan Nilai-Nilai Islam Dalam Pendidikan Formal Dalam Pembentukan Generasi Berakhlak. *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 90-107.

DOI: 10.35631/IJMOE.726007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pendidikan Islam berperanan penting dalam membentuk generasi berakhlak mulia melalui integrasi nilai-nilai Islam dalam pendidikan formal. Namun, kekurangan garis panduan dan konsensus pakar menyukarkan pelaksanaan efektif nilai-nilai tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan kata sepakat pakar dalam bidang Pendidikan Islam mengenai pelaksanaan nilai-nilai Islam dalam pendidikan formal bagi membentuk generasi yang berakhlak mulia. Kajian ini menggunakan kaedah Fuzzy Delphi dengan melibatkan 16 orang pakar, terdiri daripada penyelia Pendidikan Islam, pentadbir sekolah, dan ketua panitia. Proses analisis melibatkan dua fasa utama, iaitu pendekatan kualitatif untuk mengenal pasti item dan kuantitatif untuk menentukan konsensus. Soal selidik yang dibangunkan berdasarkan skala Likert lima mata merangkumi tiga konstruk utama: pengurusan sendiri, pengurusan tingkah laku, dan motivasi dalaman. Sebanyak 41 item telah mencapai kata sepakat pakar dengan nilai ambang (d) 0.091 dan kadar konsensus sebanyak 94.3%. Hasil kajian menegaskan bahawa pendidikan berasaskan nilai Islam berperanan penting dalam memperkukuh pembentukan keperibadian pelajar dari segi pengurusan sendiri, tingkah laku, dan motivasi. Dapatan ini boleh menjadi rujukan untuk membina kurikulum pendidikan yang menyokong pembangunan holistik pelajar, merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi.

Kata kunci:

Pendidikan Nilai Islam, Pembentukan Akhlak, Pengurusan Kendiri, Motivasi, Kaedah Fuzzy Delphi

Abstract:

Islamic education plays an important role in shaping a generation of virtuous people through the integration of Islamic values in formal education. However, the lack of guidelines and expert consensus makes it difficult to effectively implement these values. This study aims to obtain a consensus of experts in the field of Islamic Education on the implementation of Islamic values in formal education to form a generation of virtuous people. This study uses the Fuzzy Delphi method by involving 16 experts, consisting of Islamic Education supervisors, school administrators, and committee heads. The analysis process involves two main phases, namely a qualitative approach to identify items and a quantitative approach to determine consensus. The questionnaire developed based on a five-point Likert scale includes three main constructs: self-management, behavioral management, and internal motivation. A total of 41 items have achieved expert consensus with a threshold value (d) of 0.091 and a consensus rate of 94.3%. The results of the study emphasize that education based on Islamic values plays an important role in strengthening the formation of students' personalities in terms of self-management, behavior, and motivation. These findings can be a reference for building an educational curriculum that supports the holistic development of students, encompassing both worldly and hereafter aspects.

Keywords:

Islamic Values Education, Character Formation, Self-Management, Motivation, Fuzzy Delphi Method

Pengenalan

Pendidikan merujuk kepada proses sistematik yang memfasilitasi pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai etika oleh individu, yang secara tidak langsung membentuk identiti dan jati diri seseorang komuniti atau bangsa Sigit Tri Utomo (2017). Keberkesanan pendidikan dalam menerjemahkan konsep ini tercermin melalui kepelbagaian tingkah laku dan perwatakan individu dalam kehidupan seharian, yang mencerminkan pemahaman dan aplikasi nilai-nilai yang dipelajari Nuriman & Fauzan (2017). Dengan kata lain, pendidikan berperanan sebagai panduan bagi manusia untuk menafsir dan menangani pelbagai situasi kehidupan dengan cara yang selari dengan tuntutan persekitaran dan konteks sosial Schein (2014). Dalam konteks Islam, pendidikan menekankan nilai-nilai adab mulia, seperti adab berakhlak, adab di tempat awam, dan adab dalam pergaulan, sebagai asas pembentukan keperibadian individu Muslim yang membezakan mereka daripada individu sekaligus menjadi cerminan identiti dan integriti moral KSSR Pendidikan Islam Tahun 5 (2020).

Di Malaysia, perkembangan bidang pendidikan didorong oleh keperluan pasaran, tuntutan globalisasi, dan aspirasi masyarakat terhadap kemajuan. Fenomena ini dipengaruhi oleh trend pendidikan global yang menjurus kepada pendekatan canggih dan moden. Sebagai contoh,

pada awal abad ke-21, sistem pendidikan negara menitikberatkan pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan penghasilan generasi muda yang berkualiti, berakhlak mulia, dan memiliki kemahiran tinggi selari dengan standard pendidikan antarabangsa Azmil Hashim (2017). Oleh itu, untuk merealisasikan matlamat ini, sistem pendidikan perlu bersifat dinamik, holistik, dan dilengkapi dengan pendekatan, teknik, serta kemahiran yang sesuai dengan acuan budaya dan identiti masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun, keberkesanan usaha ini masih belum dapat dibuktikan sepenuhnya, terutamanya dalam aspek pembentukan kualiti tingkah laku pelajar. Isu ini menjadi lebih kritikal dengan peningkatan kes jenayah berkaitan akhlak yang melibatkan pelajar sekolah, seperti yang dilaporkan dalam media Sinar Harian Online (2014).

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian pelajar di institusi pendidikan formal. Hasil kajian ini dijangka dapat menjelaskan peranan penting pendidikan akhlak dalam membentuk generasi masa kini yang berintegriti dan bermoral tinggi. Bagi pendidik, mereka perlu menunjukkan teladan perwatakan mulia serta merancang aktiviti pembelajaran yang pelbagai, yang mengintegrasikan unsur-unsur pembinaan akidah, kerohanian, dan pengukuhan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar. Sementara itu, pelajar perlu memahami dan menghayati kepentingan pendidikan akhlak sebagai asas dalam membentuk tingkah laku dan amalan harian mereka, yang selari dengan tuntutan kehidupan bermasyarakat.

Pernyataan Masalah

Isu pembentukan keperibadian pelajar kurang mendapat perhatian masyarakat kontemporari disebabkan pelbagai faktor. Salah satu faktor utama ialah campur tangan politik yang menghalang pakar pendidikan daripada menyuarakan pandangan dan cadangan secara bebas Kennedy (2012). Akibatnya, kemerosotan nilai-nilai murni terus berlaku, diiringi dengan peningkatan nilai-nilai negatif dalam kalangan pelajar di sekolah. Kajian oleh Suhaimi Mohamad (2013) mendedahkan bahawa pelajar cenderung terlibat dalam aktiviti tidak sihat seperti buli dan gengsterisme. Fenomena ini mencerminkan hakisan pemahaman pelajar terhadap kepentingan adab dan keperibadian mulia, yang dipengaruhi oleh pendedahan meluas kepada nilai-nilai negatif dalam persekitaran mereka Ainul Mardziah Zulkifli (2018).

Littky (2016) menjelaskan bahawa sebilangan pelajar kekurangan visi yang jelas, yang menyumbang kepada rendahnya tahap moral mereka. Mengulas lanjut, Nurafzan Muhamamad, Md. Hamza, dan Azrol Md Baharuddin (2012) berpendapat bahawa matlamat dan hala tuju masyarakat kontemporari telah menyimpang daripada prinsip-prinsip Islam, berpunca daripada pendedahan berterusan kepada maklumat yang tidak tepat, palsu, dan merosakkan minda. Hal ini menyebabkan sebahagian anggota masyarakat kehilangan jati diri serta keperibadian akhlak yang mulia. Dalam konteks ini, Fathiyah Mohd Fakhrudin dan Asmawati Suhid (2016) menegaskan bahawa pembentukan amalan dan pentarbiyahan akhlak berlaku melalui pengetahuan dan pemahaman mendalam terhadap isu-isu dalam persekitaran mereka. Dengan kata lain, pembentukan keperibadian individu berkait rapat dengan penerapan teori dan konsep amalan yang berpaksikan nilai-nilai setempat Lokman Mohd Tahir & Kalsom Saleh (2010).

Menurut Englander (2015), pendekatan teori peneguhan dan hukuman hanya menghasilkan perubahan tingkah laku yang bersifat sementara dan tidak berkekalan. Pandangan ini diperkuat oleh Mohamad Khairi Othman (2015), yang menegaskan bahawa pembentukan keperibadian

individu bergantung pada pencapaian kematangan dalam aspek psikologi, emosi, kognitif, dan sosial, yang secara kolektif mempengaruhi penghayatan nilai-nilai murni dalam diri mereka.

Dalam perspektif Islam, keperibadian seseorang individu ditentukan oleh tahap ketakwaan dan keimanan kepada Allah. Yusuf al-Qardawi (2010) menegaskan bahawa memenuhi kewajipan terhadap Allah dan mendekatkan diri kepada-Nya berfungsi sebagai benteng pelindung terhadap tingkah laku yang tidak sihat. Dalam konteks ini, pelajar yang menghayati dan mengamalkan ajaran Islam cenderung kurang terdedah kepada tingkah laku negatif Salasiah Hanin Hamjah (2012). Prinsip ini selari dengan objektif kurikulum pendidikan akhlak, yang menyasarkan pembentukan modal insan yang seimbang dari segi kerohanian, fizikal, intelek, dan sosial DSKP Pendidikan Islam (2014). Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembentukan keperibadian pelajar di sekolah masih berada pada tahap sederhana dan belum mencapai tahap yang memuaskan.

Oleh itu, pelaksanaan strategi dan pengukuhan pendidikan akhlak perlu dipertingkatkan untuk mencapai hasil yang lebih efektif Sarimah Mokhtar et al. (2011). Mohammad Ghazali dan Nor'Azzah Kamri (2015) menyokong pandangan ini dengan menegaskan bahawa keperibadian seorang Muslim dibentuk berdasarkan akidah Islam, yang menjadi asas utama dalam pembinaan mentaliti yang berpaksikan ajaran agama Islam.

Untuk itu, strategi dan usaha pengukuhan pendidikan akhlak perlu dipergiatkan bagi memastikan keberkesanan yang optimum Sarimah Mokhtar et al. (2011). Mohammad Ghazali dan Nor'Azzah Kamri (2015) memperkukuh pandangan ini dengan menegaskan bahawa pembentukan keperibadian Muslim berpangkal pada akidah Islam, yang menjadi landasan utama dalam membina mentaliti yang selari dengan prinsip-prinsip ajaran Islam.

Objektif Kajian

1. Menjelaskan tahap pelaksanaan dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan formal.
2. Mengkaji peranan pendidikan nilai-nilai Islam dalam pembentukan keperibadian pelajar di sekolah.

Persoalan Kajian

1. Apakah tahap penghayatan dan pelaksanaan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan formal?
2. Bagaimanakah kepentingan pelaksanaan pembelajaran pendidikan akhlak mempengaruhi pembentukan keperibadian pelajar di sekolah?

Sorotan Literatur

Di Malaysia, kebimbangan masyarakat terhadap peningkatan kes jenayah yang melibatkan pelajar semakin ketara. Hal ini mendorong beberapa sarjana seperti Ahmad Munawar Ismail (2016), Jamilah Mohd Noor (2014), dan Mardzelah Maksin (2014) untuk menjalankan kajian berkaitan isu tingkah laku, disiplin, dan masalah kontemporari pelajar. Sebagai contoh, fenomena buli siber dan pengaruh persilangan budaya telah dikenal pasti sebagai isu signifikan Lukman Hakim Ahmad (2014). Kajian oleh Suhaimi Mohamad (2013) menunjukkan bahawa

pelajar cenderung terlibat dalam aktiviti tidak sihat seperti buli dan gengsterisme. Fenomena ini mencerminkan hakisan pemahaman pelajar terhadap pentingnya adab dan keperibadian mulia, yang dipengaruhi oleh pendedahan meluas kepada nilai-nilai negatif dalam persekitaran mereka Fathiyah Mohd Fakhrudin & Asmawati Suhid (2016). Dalam konteks ini, Adi Syahid Mohd Ali dan Noor Hisham (2015) berpendapat bahawa tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar berpunca daripada kelemahan mereka dalam mencapai ketenangan dan keharmonian dalaman, yang membawa kepada sikap tidak teratur. Para pengkaji menegaskan bahawa isu ini berkait rapat dengan tahap kesediaan dan sikap pelajar terhadap penerimaan ilmu pengetahuan. Oleh itu, konsep penyucian diri, iaitu Tazkiyyatul Nafs, dianggap sebagai penanda aras penting dalam pembentukan keperibadian individu dan perlu diberi penekanan oleh masyarakat.

Mengulas lanjut, Nurafzan Muhamamad, Md. Hamzaimi, dan Azrol Md Baharuddin (2012) berpendapat bahawa penyimpangan matlamat dan hala tuju masyarakat kontemporari daripada prinsip Islam berpunca daripada pendedahan berterusan kepada maklumat yang tidak tepat, palsu, dan merosakkan minda, yang mengakibatkan kehilangan jati diri serta keperibadian akhlak yang mulia. Dalam konteks ini, Muhamad Faizal A. Ghani (2013) menegaskan bahawa amalan dan tindakan individu terhasil daripada pengetahuan dan pemahaman mendalam terhadap isu-isu di persekitaran mereka. Selain itu, Mohamad Khairi Othman (2015) menjelaskan bahawa individu yang mencapai kematangan psikologi, emosi, kognitif, dan sosial lebih cenderung menghayati nilai-nilai murni. Oleh itu, para pengkaji berpendapat bahawa pengukuhan akidah dan kerohanian seseorang bergantung pada matlamat dan visi individu tersebut. Dengan kata lain, setiap tindakan atau tingkah laku perlu berpaksikan ilmu pengetahuan, nasihat, dan hukum Islam yang sahih. Kesemua elemen ini terangkum dalam pembelajaran pendidikan akhlak di sekolah, yang menjadi saluran penting untuk pembentukan keperibadian mulia.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk menggunakan aplikasi kaedah *Fuzzy Delphi*. Kajian ini melibatkan 16 orang panel pakar yang terdiri dalam kalangan penyelia Pendidikan Islam, pentadbir sekolah dan Ketua Panitia. Analisis kaedah kajian *Delphi* menggunakan dua pusingan utama iaitu analisis kualitatif dan analisis kuantitatif.

Pada pusingan pertama kajian, kaedah temu bual telah dijalankan ke atas 16 orang pakar bagi mengenal pasti senarai awal tema, subtema, dan item soal selidik yang akan digunakan dalam pusingan kedua. Menurut Keeney, Hasson, dan McKenna (2011), fasa awal kaedah *Delphi* boleh dimulakan dengan soalan terbuka melalui sesi temu bual untuk menjana idea dan memperoleh maklum balas berkaitan isu yang dikaji. Pendekatan kualitatif pada pusingan pertama ini membolehkan pengumpulan maklumat yang lebih komprehensif dan mendalam. Oleh itu, data daripada temu bual dianalisis secara deskriptif untuk membentuk asas utama dalam penentuan tema dan item soal selidik bagi fasa berikutnya.

Pada pusingan kedua kaedah *Delphi*, panel pakar terlebih dahulu diberikan penerangan menyeluruh mengenai prosedur dan objektif kajian sebelum pelaksanaan dimulakan. Seterusnya, peserta kajian diberikan soal selidik yang merangkumi tema awal dan item-item yang telah dikenal pasti berdasarkan analisis temu bual pada pusingan pertama. Peserta kemudiannya diminta untuk menilai item-item tersebut menggunakan soal selidik berasaskan skala Likert lima mata bagi menentukan tahap konsensus.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian berkaitan profil peserta kaedah Delphi merangkumi aspek jantina, kelayakan akademik, dan pengalaman mengajar. Kajian ini melibatkan 16 peserta yang terdiri daripada individu pada pelbagai peringkat penglibatan dalam pelaksanaan dasar pendidikan. Analisis data dijalankan menggunakan statistik deskriptif, khususnya melalui pengiraan peratusan, untuk menggambarkan ciri-ciri demografik peserta.

Profil Peserta Kajian Delphi Meliputi Jantina.


Jadual 1 memaparkan taburan jantina peserta kajian Delphi. Daripada jumlah keseluruhan, seramai sembilan individu (56.25%) adalah peserta lelaki yang terlibat dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar. Perincian adalah seperti berikut: seorang peserta lelaki (6.25%) memegang jawatan SISC+PPD, manakala seorang peserta perempuan (6.25%) juga memegang jawatan yang sama. Selain itu, dua individu lelaki (12.5%) memegang jawatan Penyelia Kanan Sektor Pendidikan Islam.

Jadual 1: Profil Peserta Kajian Delphi Berdasarkan Jantina.

Peringkat dan jawatan	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	N	%	N	%	N	%
Penggubal Dasar						
Pegawai SISC + PPD	1	6.25	1	6.25	2	12.5
Penyelia Kanan Sektor Pendidikan	2	12.5	-	-	2	12.5
Pelaksana Dasar						
Guru Besar	2	12.5	2	12.5	4	25.0
Guru Penolong Kanan Hal Ehwal	2	12.5	2	12.5	4	25.0
Guru Bimbingan dan Kaunseling	1	6.25	1	6.25	2	12.5
Ketua Panitia	1	6.25	1	6.26	2	12.5
Jumlah	9	56.25	7	43.75	16	100

Nota N= Bilangan.

Dapatan kajian menunjukkan taburan peserta pada peringkat pelaksanaan dasar adalah seperti berikut: dua individu (12.5%) terdiri daripada peserta lelaki yang memegang jawatan Guru Besar, dan dua individu (12.5%) adalah pegawai perempuan yang juga memegang jawatan Guru Besar. Selain itu, dua individu (12.5%) adalah pegawai lelaki berjawatan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, manakala dua individu (12.5%) adalah pegawai perempuan dalam jawatan yang sama. Seterusnya, seorang peserta (6.25%) adalah pegawai lelaki berjawatan Guru Kaunseling, dan dua individu (6.25%) adalah pegawai perempuan dalam jawatan yang sama. Akhir sekali, seorang peserta (6.25%) adalah pegawai lelaki berjawatan Ketua Panitia Pendidikan Islam, dan seorang lagi (6.25%) adalah pegawai perempuan dalam jawatan yang serupa.

Rajah 1: Taburan Peserta Kajian Delphi Mengikut Jawatan dan Jantina

Secara keseluruhan, pemilihan peserta bagi kajian Delphi melibatkan sekumpulan pakar yang mempunyai pengalaman langsung dalam pengurusan sumber manusia. Proses pemilihan ini berpandukan teknik persampelan snowball, di samping mempertimbangkan kriteria khusus yang ditetapkan untuk kajian Delphi, bagi memastikan kesesuaian dan kebolehpercayaan kepakaran peserta.

Pengamalan Akhlak Murid Mengikut Pandangan Panel Pakar

Hasil analisis berkaitan tahap pengamalan akhlak murid berdasarkan pandangan panel pakar telah diperincikan melalui data yang diperoleh daripada temu bual dan soal selidik. Bahagian ini membincangkan dapatan kajian bagi fasa amalan, yang bertujuan menjawab soalan kajian berikut:

Apakah Tahap Pengamalan Nilai-Nilai Islam Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menurut Pandangan Panel Pakar?

Data kajian diperoleh melalui edaran soal selidik kepada 16 orang panel pakar di daerah Temerloh, Pahang. Soal selidik ini bertujuan untuk menilai tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah berdasarkan perspektif panel pakar yang telah dipilih dengan teliti oleh pengkaji. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif, melibatkan pengiraan skor min, nilai tertinggi, dan sisihan piawai. Dapatan keseluruhan analisis ini dipersembahkan secara terperinci dalam Jadual 2.

Jadual 2: Skor Min Purata Tahap Pengamalan Akhlak Murid Terhadap Pembelajaran Pendidikan Nilai-Nilai Islam di Sekolah


Nilai <i>Murabatah An-Nafs</i>	Min	SD	Tahap Persetujuan	Interprestasi
Aspek <i>Musyaratah</i>	4.27	0.37	Tinggi	Sangat Memuaskan
Aspek <i>Muqarabah</i>	4.37	0.39	Tinggi	Sangat memuaskan
Aspek <i>Muhasabah</i>	4.10	0.61	Tinggi	Sangat Memuaskan
Aspek <i>Mu'atabah</i>	4.41	0.47	Tinggi	Sangat memuaskan
Jumlah (N=16)	4.32	0.40	Tinggi	Sangat Memuaskan

Nota SD= Sisihan Piawaian, N= Bilangan

Jadual 2 memaparkan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa min purata tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah adalah 4.32, dengan sisihan piawai 0.40. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid secara konsisten mengamalkan akhlak berdasarkan nilai Muraqabah An-Nafs dalam kehidupan seharian mereka. Antara nilai Muraqabah An-Nafs yang dikenal pasti dalam kajian ini merangkumi aspek musyaratah, muqarabah, muhasabah, dan mu'atabah.

Berdasarkan analisis data, aspek musyaratah mencatatkan tahap pengamalan akhlak yang sangat memuaskan dengan min purata 4.27 (SP = 0.37). Begitu juga, aspek muqarabah menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dengan min purata 4.37 (SP = 0.39). Oleh itu, dapatan ini mengesahkan adanya kesedaran yang kukuh dalam kalangan murid untuk mengamalkan nilai-nilai muqarabah dalam kehidupan seharian mereka.

Carta 1: Taburan Min Purata Pengamalan Nilai-nilai Islam dalam Kalangan Murid



Selain itu, nilai *Murabatah An-Nafs* dari aspek muhasabah menunjukkan tahap persetujuan yang sangat memuaskan dengan min purata 4.10 (SD= 0.61). Hasil dapatan kajian yang diperoleh membuktikan bahawa murid menyedari kepentingan nilai *Murabatah An-Nafs* dalam menentukan arah tuju mereka dalam kehidupan seharian. Selain itu, aspek *mu'atabah* juga menjadi nilai utama yang membentuk akhlak murid di sekolah. Purata skor min yang diperoleh ialah 4.41 (SD=0.47).


Tahap Pengamalan Nilai Murabatah An-Nafs dalam Kalangan Murid

Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek muhasabah dalam nilai Murabatah An-Nafs mencatatkan tahap persetujuan yang sangat memuaskan dengan min purata 4.10 ($SP = 0.61$). Hasil ini mengesahkan bahawa murid mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan nilai Murabatah An-Nafs dalam membentuk arah tuju kehidupan seharian mereka. Selain itu, aspek mu'atabah turut menjadi elemen penting dalam pembentukan akhlak murid di sekolah, dengan min purata 4.41 ($SP = 0.47$), menunjukkan tahap pengamalan yang kukuh.

Carta Pai dengan Data Tambahan

Memandangkan data tambahan untuk aspek muhasabah (min purata 4.10, $SP = 0.61$) dan mu'atabah (min purata 4.41, $SP = 0.47$) telah diberikan, berikut adalah carta pai yang dikemas kini untuk memaparkan min purata tahap pengamalan nilai-nilai Murabatah An-Nafs bagi kesemua aspek yang dinyatakan (musyaratah, muqarabah, muhasabah, dan mu'atabah), sebagai alternatif kepada carta pai sebelumnya:

Carta 2: Taburan Min Purata Pengamalan Nilai Murabatah An-Nafs dalam Kalangan Murid



Kesimpulannya tahap amalan murid terhadap kandungan pembelajaran nilai-nilai Islam di sekolah mengikut susunan tahap persetujuan seperti yang berikut:

Keazaman Mengamalkan Adab: Murid menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mengamalkan adab-adab yang dipelajari, seperti adab berakhlak mulia, adab dalam majlis keramaian, dan adab semasa perhimpunan. Ini mencerminkan kepercayaan mereka terhadap pengawasan dan balasan Allah SWT.

Aplikasi Adab dalam Hubungan Sosial: Panel pakar menyatakan keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan murid untuk mengamalkan dan mengaplikasikan adab-adab mulia yang dipelajari di sekolah. Amalan ini menggambarkan peranan dan tanggungjawab murid dalam memupuk hubungan sosial yang positif dalam komuniti sekolah.

Pembentukan Pemikiran dan Tingkah Laku Mulia: Ilmu pengetahuan daripada pembelajaran pendidikan akhlak menyumbang kepada pembentukan pemikiran dan pengalaman positif, yang seterusnya mendorong murid untuk bersikap dan bertindak laku mulia di sekolah.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa wujud amalan beradab oleh murid di sekolah disebabkan ilmu pengetahuan dan kandungan yang terdapat dalam pembelajaran pendidikan nilai-nilai Islam sebagai panduan.

Kepentingan Pembelajaran Nilai-Nilai Islam terhadap Pembentukan Keperibadian Murid di Sekolah

Bahagian ini memaparkan gambaran keseluruhan dapatan daripada temu bual pusingan pertama, yang telah diterjemahkan ke dalam bentuk data soal selidik.

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut:

Apakah Kepentingan Pelaksanaan Pembelajaran Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Keperibadian Murid Di Sekolah?

Jadual 3: Taburan Skor Fuzzy dan Nilai Thershold bagi Konstruk kepentingan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Terhadap Pembentukan Keperibadian Murid di Sekolah Berdasarkan Aspek.

Kesan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Terhadap Kualiti Keperibadian Murid Di Sekolah Berdasarkan Aspek.	<i>defuzzification process</i>	<i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		
	(A)	(d)	Konsensus (%)	Interprestasi
Aspek Kendiri	0.758	0.076	90.0	Diterima
Aspek Tindakan	0.695	0.083	93.7	Diterima
Aspek Motivasi	0.749	0.115	99.2	Diterima
Jumlah (N= 47)				
	0.734	0.091	94.3	Diterima

Nota (A) = Skor Fuzzy (≥ 0.5), (d) = Nilai Thershold (≤ 0.2); N=Bilangan

Berdasarkan Jadual 3, analisis Fuzzy Delphi menunjukkan bahawa keseluruhan aspek kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah mencapai skor Fuzzy (A) ≥ 0.5 . Ketiga-tiga aspek yang dinilai turut disepakati oleh panel pakar Delphi berdasarkan dua syarat: nilai Threshold (d) ≤ 0.2 (memenuhi syarat pertama) dan peratusan kesepakatan $\geq 75\%$ (memenuhi syarat kedua).

Aspek Pengurusan Kendiri: Dapatan menunjukkan purata skor Fuzzy (A) sebanyak 0.758, dengan nilai Threshold (d) 0.076 dan peratusan kesepakatan panel pakar Delphi sebanyak 90.0%. Ini menunjukkan kesepakatan kukuh di kalangan pakar bahawa pengurusan sendiri merupakan salah satu konstruk penting dalam kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah.

Aspek Pengurusan Tindakan dan Tingkah Laku: Analisis mencatatkan purata skor Fuzzy (A) sebanyak 0.695, dengan nilai Threshold (d) 0.083 dan peratusan kesepakatan panel pakar Delphi sebanyak 93.7%. Dapatan ini mengesahkan bahawa majoriti pakar bersepakat

menerima pengurusan tindakan dan tingkah laku sebagai konstruk utama dalam pembentukan keperibadian murid melalui pendidikan akhlak.

Aspek Motivasi: Dapatan menunjukkan purata skor Fuzzy (A) sebanyak 0.749, dengan nilai Threshold (d) 0.115 dan peratusan kesepakatan panel pakar Delphi sebanyak 99.2%. Tahap kesepakatan yang tinggi ini menggambarkan penerimaan kukuh terhadap motivasi sebagai konstruk penting dalam kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap keperibadian murid.

Dapatan keseluruhan analisis Fuzzy Delphi menunjukkan purata skor Fuzzy (A) sebanyak 0.734, mencerminkan tahap persetujuan yang tinggi di kalangan panel pakar Delphi dalam menerima aspek motivasi sebagai salah satu konstruk penting dalam kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah. Selain itu, purata nilai Threshold (d) mencatatkan 0.091, dengan peratusan kesepakatan panel pakar Delphi sebanyak 94.3%. Keputusan ini mengesahkan bahawa ketiga-tiga konstruk yang dinilai, iaitu pengurusan sendiri, pengurusan tindakan dan tingkah laku, serta motivasi, diterima sebagai relevan dan signifikan dalam konteks kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah.

Perbincangan

Perbincangan dapatan kajian terhadap tahap amalan pendidikan akhlak di bahagian ini membincangkan dapatan kajian berkenaan tahap amalan murid terhadap kandungan pembelajaran pendidikan akhlak di sekolah. Analisis tahap amalan ini dijalankan dengan meneliti pandangan murid di daerah Temerloh, Pahang, terhadap dua konstruk utama, iaitu:

Konstruk Kesedaran dan Persepsi: Merujuk kepada tahap kesedaran dan tanggapan murid terhadap nilai-nilai akhlak yang diajarkan dalam pembelajaran pendidikan akhlak.

Konstruk Pembudayaan dan Sikap: Merujuk kepada usaha murid dalam mengamalkan dan membudayakan nilai-nilai akhlak serta sikap positif yang terbentuk melalui pembelajaran tersebut.

Tahap Pengamalan Nilai-Nilai Murid Di Sekolah

Dapatan tinjauan ke atas 16 orang panel pakar menunjukkan bahawa tahap amalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah berada pada tahap tinggi, dengan interpretasi yang sangat memuaskan. Hal ini disebabkan oleh persepsi murid yang menganggap amalan beradab sebagai tonggak utama dan kunci identiti umat Islam. Beberapa kajian terdahulu selari dengan dapatan ini, termasuk kajian oleh Noor Jamilah (2014), Muhamad Faizal A. Ghani (2016), dan Nik Rosila (2015).

Sebagai contoh, kajian Noor Jamilah (2014) mendapati bahawa kesedaran dan persepsi murid untuk mengamalkan adab-adab mulia di sekolah berada pada tahap tinggi. Murid meyakini bahawa amalan beradab dapat meningkatkan kualiti akhlak mereka, khususnya dalam aspek keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Dengan kata lain, keazaman, kecenderungan, dan persepsi positif murid terhadap amalan adab-adab mulia di sekolah memberi sumbangan signifikan dalam membentuk generasi masa depan yang berilmu dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip berteraskan ajaran Islam (Nik Rosila, 2015).

Muqarabah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan akhlak murid dari aspek muqarabah berada pada tahap tinggi. Ini didorong oleh kepercayaan mendalam murid terhadap sifat Allah sebagai Al-‘Alim (Maha Mengetahui) dan Al-Hakim (Maha Bijaksana), yang tertanam dalam diri mereka di sekolah. Dalam konteks ini, kesediaan murid untuk mengamalkan adab-adab mulia di sekolah berpunca daripada keinginan untuk memperoleh pahala dan balasan syurga. Dengan kata lain, kandungan kurikulum pendidikan akhlak yang berasaskan ajaran Islam sepenuhnya didapati mudah difahami dan diamalkan oleh murid di sekolah. Tinjauan literatur oleh Sarah M. Wadsworth (2015) mendapati bahawa strategi pembelajaran yang mengintegrasikan kepercayaan agama dan peranan guru dalam menampilkan akhlak mulia mempunyai pengaruh besar terhadap kepercayaan murid di sekolah.

Selanjutnya, murid meyakini bahawa Allah sentiasa mengawasi tingkah laku mereka. Kepercayaan terhadap kehadiran Allah yang sentiasa melindungi mereka memberikan rasa keselesaan dan keselamatan dalam kalangan murid di sekolah. Kesungguhan mereka untuk mengamalkan akhlak mulia sejajar dengan kehendak dan tuntutan Islam. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Syed Salim Syed Shamsuddin (2017), yang mendapati tahap kepercayaan masyarakat terhadap pengawasan moral dalam kehidupan seharian berada pada tahap tinggi. Oleh itu, kedua-dua dapatan ini mengesahkan bahawa keselesaan dan kesejahteraan murid dalam mengamalkan adab-adab mulia di sekolah menyokong pembentukan kehidupan yang seimbang dan holistik.

Muhasabah

Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa tahap amalan murid terhadap pembelajaran pendidikan akhlak mencerminkan keinginan mereka untuk membentuk keperibadian mulia di sisi Allah SWT. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Muhamad Faizal A. Ghani (2016), yang mendapati tahap amalan murid terhadap pendidikan akhlak di sekolah berada pada tahap tinggi. Kajian tersebut merumuskan bahawa keterbukaan dan keinginan murid untuk berkelakuan baik memudahkan mereka memahami dan mengurus tingkah laku secara cekap dan teratur. Dengan kata lain, murid berpendapat bahawa amalan beradab di sekolah membolehkan mereka menghadapi cabaran dan isu semasa pada masa depan dengan lebih bersedia. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan beradab di sekolah menyediakan peluang bagi murid untuk menjaga dan mengharumkan nama baik diri, keluarga, dan komuniti sekolah. Secara ringkas, pelaksanaan amalan beradab di sekolah menyumbang kepada kejayaan murid dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Kepentingan Pembelajaran Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Keperibadian Murid Di Sekolah

Perbincangan dapatan kajian ini tertumpu kepada kepentingan pembelajaran pendidikan akhlak dalam membentuk keperibadian murid di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesepakatan yang tinggi di kalangan panel pakar Delphi terhadap item konstruk dalam kajian ini. Kesepakatan ini diperoleh melalui analisis Fuzzy Delphi ke atas data yang dikumpul menggunakan teknik Delphi dua pusingan. Hasilnya, kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid dikenal pasti merangkumi tiga konstruk utama berdasarkan sorotan kajian dan dapatan temu bual pusingan pertama dengan panel pakar Delphi. Konstruk tersebut ialah:

1. **Pengurusan Kendiri:** Merujuk kepada keupayaan murid mengawal dan mengurus diri mereka dalam konteks akhlak dan nilai Islam.
2. **Pengurusan Tindakan dan Tingkah Laku:** Merujuk kepada amalan murid dalam mengawal tindakan dan tingkah laku agar selari dengan nilai-nilai akhlak.
3. **Motivasi:** Merujuk kepada dorongan dalaman murid untuk mengamalkan nilai-nilai Islam demi pembentukan keperibadian mulia.

Setiap konstruk ini mempunyai tema dan sub-tema masing-masing yang menyokong pembentukan keperibadian murid. Kesepakatan panel pakar Delphi menunjukkan bahawa tema-tema ini selari dengan tinjauan literatur oleh Abdul Rahman Md. Arroff (1999) dan Nik Rosila Nik Yaakob (2010), yang mendapati bahawa keperibadian mulia terbentuk melalui kepatuhan kepada undang-undang dan kontrak sosial yang dibina sendiri oleh murid. Selain itu, dapatan kajian ini juga konsisten dengan kajian Mohamad Khairi Othman (2015), yang menegaskan bahawa kematangan psikologi, emosi, dan kognitif mendorong murid untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni di sekolah. Tambahan pula, penemuan ini sejajar dengan tinjauan literatur oleh Mohammad Ghazali dan Nor Azzah Kamri (2015), yang menyatakan bahawa pembelajaran nilai-nilai Islam memastikan kesinambungan antara akidah dengan tuntutan dan matlamat ajaran Islam.

Aspek Tindakan dan Tingkah Laku dalam Pembentukan Keperibadian Murid

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga bentuk tindakan utama, iaitu tuntutan, kerohanian, dan sosial, memainkan peranan penting dalam pembentukan keperibadian murid di sekolah. Panel pakar Delphi bersepakat bahawa ketiga-tiga aspek ini memberikan petunjuk yang jelas terhadap keberkesanan pembelajaran pendidikan akhlak dalam membentuk keperibadian murid. Penemuan ini selari dengan tinjauan literatur oleh Abdul Hamid K. (2012), yang menyatakan bahawa pembelajaran pendidikan akhlak berfungsi sebagai panduan bagi murid untuk merefleksikan tindakan mereka, mengenal pasti kesilapan, dan melakukan pembetulan. Selain itu, tindakan dan tingkah laku murid membantu mereka menyesuaikan diri dengan isu dan situasi semasa. Oleh itu, keberkesanan pembelajaran pendidikan akhlak dapat dikenal pasti sebagai alat untuk memperkukuh pemikiran, watak, dan keperibadian murid di sekolah, sebagaimana disokong oleh kajian Azmil Hashim (2017).

Aspek Motivasi

Dapatan kajian berkaitan tema motivasi menekankan pembinaan sosial dan jati diri pelajar, yang memupuk amalan kolaboratif melalui komunikasi efektif dalam komuniti sekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran pendidikan akhlak membolehkan pelajar membuat keputusan, berbincang, dan menerima teguran daripada pihak berkepentingan terhadap sesuatu isu dari pelbagai perspektif. Penemuan ini selari dengan tinjauan literatur oleh Adi Syahid Mohd Ali (2015), yang menyatakan bahawa pendidikan akhlak memberikan peluang kepada pelajar untuk berkongsi pengalaman dan pandangan mengenai tingkah laku mulia secara mendalam. Selain itu, menurut Lukman Hakim Ahmad (2014), pembelajaran pendidikan akhlak menggalakkan perkongsian nilai dan etika secara tidak formal dalam kalangan pelajar, yang seterusnya meningkatkan motivasi dan pembentukan jati diri mereka di sekolah.

Implikasi

Secara keseluruhan, tahap penghayatan pelajar terhadap pembelajaran pendidikan akhlak dapat dilihat melalui kesedaran, persepsi, serta keinginan mereka untuk mengamalkan tingkah laku mulia di sekolah. Melalui pembelajaran nilai-nilai Islam, pelajar dapat melaksanakan amalan

beradab secara berkualiti, dengan tumpuan kepada pembangunan tingkah laku yang positif. Dapatan kajian ini turut menunjukkan kesan signifikan terhadap pola tingkah laku pelajar. Oleh itu, keperluan pelajar seperti berketerampilan, berdaya saing, berakhlak mulia, dan mengamalkan nilai-nilai murni perlu disokong oleh komuniti sekeliling. Sehubungan itu, tindakan atau pendekatan yang sesuai harus mempertimbangkan ciri-ciri tersebut. Pemupukan nilai adab dalam diri pelajar adalah penting untuk memastikan mereka memiliki pengetahuan dan pengalaman yang relevan dengan konteks semasa.

Dapatan kajian ini berpotensi menjadi rujukan utama dalam menilai keberkesanan pembelajaran pendidikan Islam, khususnya dalam bidang pendidikan akhlak di sekolah. Hal ini disokong oleh kajian-kajian di Malaysia dan antarabangsa yang menunjukkan bahawa kualiti keperibadian pelajar merupakan salah satu indikator utama keberkesanan institusi pendidikan. Oleh itu, sekolah yang berada pada tahap kualiti keperibadian sederhana atau kritikal perlu memanfaatkan hasil kajian ini sebagai panduan untuk mempertingkatkan pelaksanaan pendidikan akhlak di peringkat sekolah.

Dapatan kajian ini berpotensi untuk memperkukuh nilai-nilai murni dan sikap positif pelajar terhadap keperluan komuniti setempat. Peningkatan nilai-nilai komuniti dalam kalangan pelajar di sekolah mendorong mereka untuk memenuhi tuntutan kontemporari. Secara menyeluruh, pembentukan kualiti keperibadian pelajar bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan mengamalkan kandungan pembelajaran pendidikan akhlak, tetapi juga untuk menanamkan nilai dan sikap positif. Oleh itu, hasil kajian ini dapat menjadi panduan kepada penggubal dasar untuk mengutamakan aspek nilai dan sikap sebagai elemen teras dalam usaha meningkatkan kualiti keperibadian pelajar di sekolah. Pihak berkepentingan perlu menyedari bahawa kecemerlangan akademik pelajar berkait rapat dengan aspek disiplin, tingkah laku, sikap, dan nilai mulia yang terpancar dalam diri individu.

Kesimpulan

Kajian ini merangkumi dua fasa yang bertujuan untuk mengenal pasti, menilai, dan menganalisis keberkesanan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian pelajar di sekolah. Pada fasa pertama, iaitu fasa amalan, soal selidik diedarkan kepada 16 orang panel pakar yang dipilih secara rawak di daerah Temerloh untuk menentukan tahap penghayatan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar. Fasa kedua, yang merupakan teras kajian, menggunakan kaedah Fuzzy Delphi melalui dua pusingan untuk mengumpul data daripada 16 pakar. Majoriti pakar mencapai konsensus terhadap kandungan konstruk berkaitan kepentingan pembelajaran nilai-nilai Islam terhadap keperibadian pelajar, yang merangkumi tiga konstruk, tiga aspek, sembilan sub tema, dan 46 item yang mencerminkan kesan pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian pelajar di sekolah.

Kajian ini memberikan implikasi langsung terhadap pelajar dan komuniti sekolah. Selain itu, dapatan kajian ini dapat menyumbang idea baru kepada penyelidik lain dan berpotensi untuk dikembangkan dalam kajian lanjutan. Kajian ini juga membawa kesan signifikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, dengan menegaskan bahawa pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam, khususnya dalam bidang pendidikan akhlak, merupakan tunjang utama dalam meningkatkan kualiti keperibadian pelajar. Kejayaan akademik sesebuah sekolah berkait rapat dengan kualiti keperibadian pelajar, yang dipengaruhi oleh faktor dalaman pelajar serta sokongan daripada komuniti sekolah.

Pengakuan

Kajian ini merupakan hasil daripada penulisan PhD oleh **P20211002653 Meor Mohd Faizul bin Abd Karim** di bawah bimbingan *Corresponding Author*, **Prof. Dr. Azhar Hj. Wahid**. Kajian ini tidak menerima sebarang bentuk pembiayaan atau dana daripada mana-mana pihak.

Rujukan

- Abdul Hamid K. (2012). *Pola pembinaan untuk Meningkatkan Profesionalitis Guru*. Universiti Negeri Medan, Sumatera Utara.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan jati diri orang Melayu-muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak, *Jurnal Hadhari Special Edition*, 23-35.
- Abdul Rahman Md Aroff. (1999). *Pendidikan Moral. Teori Etika dan Amalan Moral*. Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusop, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin, & Zamri Abdul Rahim. (2004). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Adi Syahid Mohd Ali & Noorhisham Md Nawawi. (2015). *Keberkesanan pembelajaran Inkuiri terbimbing: alternatif penyelesaian krisis nilai*. Universiti Malaysia, Kelantan.
- Ahmad Munawar Ismail. (2016). *Akidah dan Akhlak Dalam Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ainul Mardiah Zulkifli. (2018). *Konsep Muhasabah Diri Menurut Imam Ghazali*. Fakultas Dakwah dan Komunikasi, Universiti Negeri Ar-Raniry, Banda, Aceh.
- Ajmain@ Jimaain Safar, & Ab. Halim Tamuri. Tahap Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Menurut Pentaksiran Rakan Sebaya. Kertas dibentangkan dalam 2nd International Conference on Islamic Education. 19-21 Disember 2010, Bangi, Putrajaya, Selangor, 61-73.
- Al-Qaradawi, Y. (2010). *Dur al-Qayyim wa al-akhlaq fi al-iqtisad al-Islami* (Terjemahan). Bleu-T Publication, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Azmil Hashim. (2017). Amalan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Menurut Al-Ghazali: Kajian Terhadap Pelajardi sekolah Agama Di Negeri Perak. *Journal of Islamic And Arabic Education* 9 (1), 2017, 1-11.
- Baraka Manjale Ngussa & Lazarus Ndiku Makawe. (2018). The role of Christian religious education on secondary school discipline in the lake zone, Tanzania. *Journal of research innovation and implications in education*. Vol. 2, Iss. 1 (2018), 1-7.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Diana, A., Azani, M. Z., & Mahmudulhassan, M. (2024). The Concept and Context of Islamic Education Learning in the Digital Era: Relevance and Integrative Studies. *Profetika: Jurnal Studi Islam*, 25(01), 33-44.
- Englander EK. (2015). ed. *Cyberbullying: Current & Future Research & Directions: A White Paper Submitted to the Institute of Digital Media and Child Development*. New York, NY: Institute of Digital Media and Child Development.
- Fathiyah Mohd Fakhrudin & Asmawati Suhid, Proses murabatah al-nafs menurut perspektif al-Ghazali bagi membangunkan individu seimbang dan holistic, *Jurnal al-Anwar*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 2(2) Disember 2016, 173-187.

- Jamilah Mohd Noor. (2014). Keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah Menengah Kebangsaan di Seremban Negeri Sembilan, Jabatan Fiqh dan Usul Akademik Pengajian Islam, Universiti Kuala Lumpur.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Siti Fauziyani Md Salleh @ Masrom. (2016). *Didiklah Kami Dengan sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Kuala Lumpur. PusatPerkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 5. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kemmis, S. (2008). System and lifeworld and the conditions of learning in late modernity. Kertas dibentangkan dalam Sixth International Conference on Experiential Learning, 2-7 July 2008, University of Tampere, Finland.
- Keeney S, Hasson F, McKenna H. (2011). *The Delphi Technique In Nursing And Health Research Malaysia* : AJohn Wiley & Sons, Ltd. Publication.
- Kennedy, K.J. (2008). The citizenship curriculum: Ideology, content and organization. dlm *The SAGE Handbook of Education for Citizenship And Democracy*; SAGE: Los Angeles, CA, Amerika Syarikat.
- Lacy, K. (2016). Understanding principal class leadership aspirations: Policy and planning implications. Melbourne, Australia: Right Angles Consulting Pty Ltd for Victorian Department of Education and Training, School Leadership Development Unit.
- Leithwood, K. & Jantzi, D. (2011). The effects of transformational leadership on organizational conditions and student engagement with school. *Journal of Educational Administration*, 38(2), 112-129.
- Littky, D. (2016). *The big picture: Education is everyone's business*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Lokman Mohd Tahir & Kalsom Saleh. (2011). Implikasi Latihan Dalaman Kepada Guru-guru Sekolah Rendah. *Journal of Science & Mathematics Education*, Dicapai pada 3 Disember 2012, daripada <http://eprints.utm.my/11910>.
- Lukman Hakim Ahmad. (2014). Persepsi Pelajar Terhadap kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam pembentukan sahsiah muslim. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39 (2) (2014), 133-140.
- Mardzelah Makhsin, Mohamad Fadhli Ilias dan Mohd Aderi Che Noh, (2014). Amalan hisbah sendiri dalam Pendidikan Islam: Kajian terhadap murid-murid sekolah menengah Kedah. *The Online Journal of Islamic Education* 2(1), 25-37.
- Mohammad Ghazali & Nor Azzah Kamri. (2015) *Keperibadian Islam dan profesionalisme Dalam pekerjaan: Satu analisis teori*, Jurnal Syariah, Jil, 23. Bil 2 (2015)
- Muhamad Faizal A. Ghani (2013). Profil Amalan Terbaik Organisasi Pembelajaran. *Jurnal Peradaban*, Vol. 6 (2013), 55-75.
- Muhammad Faizal A. Ghani (2016). Jangkaan Masa Depan Masalah Disiplin Murid Islam Dalam Aspek Amalan Beragama dan Strategi Penyelesaian Menerusi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam: Perspektif pakar. *Jurnal Hadhari*, 7(1). Dicapai di <http://www.ukm.my/jhadhari/>
- Muhammad Fikry Nordin. (2017). Amalan penghayatan pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam di sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2010). *Pendidikan Kerohanian dan Moral Prasekolah*. PTS Profession.

- Norazri Mohd Zaidin. (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn, Malaysia.
- Norfadilah Abdul Rahman dan Zakaria Stapa. (2014). Pembangunan Kerohanian Berasaskan al- Muhasibi dalam menangani gejala sosial masa kini. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference Intergration on World Conference of Integration Knowledge (WCIK2014) pada 15-16 September 2014, Bandung, Indonesia.
- Nurafzan Muhamamad, Md. Hamzaimi, dan Azrol Md Baharuddin. (2012). Pendekatan Zikrullah Dalam Pembangunan Jiwa Pelatih Pusat Pemulihan Dadah. Universiti Teknologi Mara.
- Nur Azuki Yusuff. (2016). Isu dan permasalahan hubungan antara agama di Malaysia kini dan Jalan penyelesaiannya. Kursus Perbandingan Agama, 12 Februari 2015, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM), Terengganu.
- Nuriman & Fauzan. (2017). The Influence of Islamic Moral Value on Student's Behaviour in Aceh, *Jurnal. Dinamika Ilmu*, Jilid 17. Bil. 2 (2017).
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin, Azimi Hamzah & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2013). Pengaruh faktor psikososial ke atas penghayatan akhlak islamiah dalam kalangan belia institusi pengajian tinggi terpilih di Malaysia, *Jurnal Personalia Pelajar* 16 (2013), 55-64.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit dan Zainab Ismail. (2012). Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*. 4(2), 51-60.
- Sarah M. Wadsworth. (2015). *A Qualitative Study on How a Teacher's Religious Belief Affect the Choice they Make in the Classroom*. Student Research & Creative Work. Otterbein University.
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011).
- Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Selangor. *Global Journal al-Thaqafah* (GJAT). Disember 2011. Vol. 1 Isu 1, 71-77.
- Schein, D. (2014). Nature's Role in Children's Spiritual Development, *Children, Youth and Enviroments*. 24 (2), 2014, 78-101. <https://doi.org/10.7721/chilyoutenvi.24.2.0078>
- Sigit Tri Utomo. (2017). Internalisasi Nilai-nilai Akhlaqul Karimah Siswa pada Pembelajaran Akidah Akhlak di Madrasah Ibtidaiyah Kecamatan Windusari Kabupaten Magelang, Jawa Tengah, Indonesia.
- Sinar Harian. (2014). Media Sosial Punca Jenayah Pelajar Makin Serius. Sinar Harian Online, 9 September 2014.
- Shahidan Shafie dan Ting-Leh Ling. (2017). Pembentukan sahsiah berkualiti melalui penghayatan kurikulum pengajian Islam: Satu kajian kolerasi di Politeknik, National Conference of Thinking Culture (NCTC) 2017, 01-03 November 2017.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailani. (2016). Akhlak Guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Akademika*, Vol. 86, 31-42.
- Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi. (2017). Penerapan potensi murid dalam pengajaran dan pembelajaran Islam di prasekolah, *The Malaysian Journal of Islamic Science*, Vol. 19 (special edition) 2017.

- S. Monod, E. Rochet, C. Bull & B. Spencer. (2010). The spiritual needs model: Spirituality Assessment in the Geriatric Hospital Setting. *Journal of Religion, Spirituality & Aging*, Vol. 22, 2010, Issue 4, 271-282. <https://doi.org/10.1080/15528030.2010.509987>
- Suherman, S., Ghofur, A., Raharjo, R., Priyatna, M., & Arsyadi, I. M. (2025). Implementation of Islamic Education Principles in The Modern Madrasa Curriculum: A Study of Ta'lim Al-Muta'allim. *IJORER: International Journal of Recent Educational Research*, 6(2), 425-439.
- Suhaimi Mohamad. (2013). Pusat Pengajian Psikologi Dan Pembangunan Manusia Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Salim Syed Shamsuddin. (2017). Konsep Pengawasan Moral dan Hak Asasi Manusia: Tinjauan Mengikut Perundangan Syariah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6 Desember 2017.
- Syihabuddin & Abdussalam, A. (2015). Islamic Education: Its Concepts and Their Implementation in the Current Context. *TARBIYA: Journal of Education in Muslim Society*, 2(1), 23-34.
- Tambak, S., Hamzah, H., Sukenti, D., & Sabdin, M. (2021). Internalization of Islamic Values in Developing Students' Actual Morals. *JPI (Jurnal Pendidikan Indonesia)*, 10(4), 697-709.